

15-7-2024

## Paras Sungai Muda turun 4 hari berturut-turut, PBAPP lepaskan air simpanan dari empangan



BUKIT MERTAJAM: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) melepaskan air dari Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD), di sini, bagi mengekalkan perkhidmatan bekalan air yang baik di seluruh negeri ini susulan penurunan paras air Sungai Muda selama empat hari berturut-turut.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, K Pathmanathan memaklumkan kapasiti pelepasan maksimum EMD ialah 600 juta liter sehari (JLH), dan PBAPP telah mula melepaskan purata 41 JLH sejak Sabtu lalu bagi melengkapkan pengabstrakan air mentah dari Sungai Muda.

"Paras air Sungai Muda di bahagian Pulau Pinang telah menurun di bawah 2 meter (m) selama empat hari berturut-turut, manakala aras Empangan Muda (Kedah) dilaporkan 16.6 peratus pada Jumaat lalu. Berikutan itu, PBAPP mengambil keputusan untuk melepaskan air simpanan EMD.

"Air mentah dari EMD dan Sungai Muda disalurkan ke Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua, iaitu LRA terbesar serta terpenting di negeri ini.

"Air terawat dari LRA itu dipam kepada kira-kira 465,000 pengguna di seluruh Seberang Perai dan Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya di bahagian pulau," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, pelepasan harian EMD bertujuan memastikan LRA Sungai Dua terus mengeluarkan purata 1,026.59 JLH air terawat.

Pathmanathan berkata, aras Sungai Muda di muka sauk PBAPP di Lahar Tiang, dekat sini, telah menurun di bawah 'paras selamat' 2m.

Katanya, PBAPP telah mengabstrak purata 1,125.50 JLH air mentah dari Sungai Muda pada minggu lalu berbanding 1,196.13 JLH ketika keadaan normal.

Ketika keadaan normal, beliau berkata, lebih 80 peratus air mentah yang diabstrak oleh PBAPP setiap hari datangnya dari Sungai Muda.

"Kapasiti efektif Empangan Muda 160 bilion liter (di Kedah) dilaporkan ialah 25.7 peratus dan ia merupakan satu daripada dua empangan di Kedah yang melepaskan air ke Sungai Muda untuk kegunaan Kedah dan Pulau Pinang, manakala paras yang dilaporkan bagi Empangan Beris ialah 82.4 peratus pada Khamis serta kapasiti efektif maksimum empangan itu ialah 120 bilion liter," katanya.

Beliau berkata, Kedah mempunyai pilihan untuk melepaskan lebih banyak air dari Empangan Beris bagi meningkatkan paras Sungai Muda, dan langkah itu akan mengelak berlaku sebarang isu besar di 14 LRA di Kedah dan LRA Sungai Dua di Pulau Pinang. – BERNAMA